

## Selidik dulu sebelum menjerit...

"Kaji dulu sebelum kecam" kata sebuah berita di Berita Harian Jun 15, 1981. Berita berikutan berkata: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menyeru ahli-ahli UMNO menyelidik secara mendalam sebarang tuduhan sebelum menjadikannya sebagai satu perkara untuk dibela.

Katanya, memang menjadi tanggungjawab Bahagian dan Cawangan UMNO membangkitkan masalah, terutama dalam memperbaiki kedudukan orang Melayu dalam negara ini.

"Tetapi masalah dibangkitkan itu hendaklah diselidiki lebih dahulu sebelum membuat usul mengecam itu dan ini," tambahnya.

Katanya, kadang kala masalah itu tidak wujud kerana ia dibangkitkan oleh pihak tertentu yang berkepentingan lain.

Katanya, Kementeriannya banyak menerima aduan-aduan mengenai diskriminasi, terutama terhadap pekerja-pekerja Bumiputera.

Sebelum membuat sebarang tindakan, katanya, Kementeriannya membuat penyelidikan dahulu.

"Memang ada diskriminasi, tetapi kadangkala ada aduan yang tidak wujud kerana ditimbulkan oleh pihak tertentu yang berkepentingan lain," tambahnya.

\*\*\*

*Komen Penulis:*

"Pihak tertentu yang berkepentingan lain," yang dimaksudkan oleh Datuk Seri Dr M itu, agaknya, ialah segelintir ahli yang suka melaung bukan demi kepentingan kaum Bumiputera tapi semata-mata dengan tujuan memperoleh "cheap publicity" (publisiti murah) dan

bersamanya dividen politik bagi diri sendiri.

Apa yang diperkatakan oleh Dr M itu bolehlah diringkaskan begini: "Selidiklah terlebih dahulu sebelum menjerit..." Atau secara berdasarkan kepada pengalaman penulis dalam pemerintahan Jepun dahulu: "Jangan tampar atau potong kepala sebelum beritanya".

Askar-askar Jepun terpaksa memotong kepala orang bukan Jepun sebelum menyalasi, kerana mereka itu mahu memperkembang pengaruh dan mengekalkan kuasa (di sesebuah negeri yang mereka takluki) melalui taktik "bully" yang bertujuan menimbulkan perasaan "fear" yakni takut di dada rakyat yang diperintah. Sebaliknya, di sesebuah negara yang ditadbirkan oleh para pemimpin yang dipilih oleh rakyat dan yang menghormati sistem demokrasi (yang tidak ber-cita-cita menakluki negeri orang) hubungan di antara Kerajaan dan rakyat (termasuk penduduk-penduduk bukan warganegara sendiri) adalah berdasarkan bukan kepada "fear" tapi kepada keadilan yang dibantu oleh prinsip hormat-menghormati dan segan-menyegani di antara satu sama lain.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia